

17/10/2000

(Laporan BSKL)

SAHAM di Bursa Saham Kuala Lumpur ditutup lebih tinggi secara menyeluruh semalam ditingkatkan oleh kegiatan belian susulan menjelang Belanjawan 2001.

Pelabur berinstitusi dan individu bergabung tenaga untuk memberikan sokongan kepada pasaran, sebahagian besarnya didorong oleh jangkaan berita baik daripada belanjawan akan datang itu, kata seorang penganalisis.

Indeks Komposit (IK) yang diperhatikan dengan teliti meningkat 16.14 mata kepada 766.18 dari 750.04 Jumaat lalu.

Indeks Emas mengukuh 5.15 mata kepada 185.52, Indeks Papan Kedua mengukuh 7.06 mata kepada 177.92 manakala Indeks Perusahaan meningkat 41.12 mata kepada 1,349.19.

Saham untung mendahului yang rugi pada 730 berbanding 43 manakala 79 kaunter tidak berubah dan 156 tidak diniagakan.

Jumlah dagangan sebanyak 330.840 juta saham bernilai RM774.401 juta berbanding dengan 313.197 juta saham bernilai RM902.418 juta Jumaat lalu. Jumlah dagangan Papan Utama meningkat kepada 304.867 juta saham dari 293.055 juta saham hari Jumaat. Bagaimanapun nilainya merosot kepada RM719.378 juta berbanding dengan RM868.245 juta, sebelumnya.

Jumlah dagangan di Papan Kedua meningkat kepada 25.973 juta saham bernilai RM55.022 juta berbanding dengan 20.142 juta saham berjumlah RM34.173 juta, sebelumnya.

Urusniaga langsung susut kepada 41.888 juta saham dari 47.244 juta saham hari Jumaat tetapi nilainya meningkat kepada RM239.991 juta dari RM55.034 juta, sebelumnya.

"Pembelian susulan mungkin berkaitan dengan belanjawan, yang akan muncul tidak lama lagi," penganalisis itu berkata.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam telah membayangkan bahawa Belanjawan bagi tahun depan adalah belanjawan yang baik dengan kemungkinan lebih kecil.

Saham-saham berharga murah adalah pilihan utama para pelabur semalam, terutamanya individu yang terdorong untuk mengurus niaga setelah mengekori penyertaan pelabur-pelabur berinstitusi.

Penganalisis itu berkata, ini menunjukkan bahawa pelabur-pelabur mengubah minat mereka kepada saham-saham murah berbanding dengan sokongan yang diberikan bagi saham-saham mewah minggu lalu.

Dia juga berkata, bahawa kenaikan minggu lalu turut memulihkan minat pelabur-pelabur individu untuk memasuki pasaran.

Lantai dagangan mengalami aktiviti cergas pada awal sesi tetapi kehilangan minat dalam separuh kedua.

AMMB, kaunter paling cergas, adalah lebih kukuh sebanyak 38 sen kepada RM4.78 dengan 21,612 lot bertukar tangan.

Kaunter-kaunter berkaitan dengan hartawan Tan Sri Halim Saad adalah juga cergas telah beliau memberi jaminan kepada para pelabur bahawa penyenaian Time dotCom masih dijadual untuk pertengahan November.

Time Engineering meningkat 30 sen kepada RM3.28, Time-warrants meningkat 26 sen kepada RM2.03, UEM mengukuh 65 sen kepada RM5.70, UEM-warrant meningkat sebanyak 57 sen kepada RM2.78 dan Renong lebih kukuh sebanyak 33 sen kepada RM1.91.

Bagi komponen-komponen utama, Genting bertambah 50 sen menjadi RM10.40, Resorts World kukuh sebanyak 30 sen kepada RM7.15, British American Tobacco (BAT) meningkat 50 sen kepada RM37.50 dan Petronas Gas meningkat

15 sen kepada RM6.70.

Saham-saham berwajaran tinggi seperti Maybank meningkat 10 sen kepada RM15.90, Telekom Malaysia meningkat 10 sen kepada RM11.80 manakala Tenaga Nasional tidak berubah pada RM11.70.

Berasaskan sektor, barangan pengguna menyumbang 6.379 juta saham diurus niagakan di Papan Utama, barangan industri 20.240 juta, pembinaan 37.324 juta, dagangan/perkhidmatan 73.798 juta, teknologi 5.190 juta, infrastruktur 3.452, kewangan 32.662 juta, hotel 379,000, harta 11.343 juta, perladangan 7.343 juta, perlombongan 1.113 juta, amanah 38,000, dana tertutup 34,000 dan pinjaman 105.596 juta.

Mengenai Bursa Urusniaga Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (Mesdaq), Indeks Komposit Mesdaq (MCI) ditutup tidak berubah pada 89.61.

(END)